

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan serta muatan Pusat Tahanan Sementara untuk Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah dan apakah ini mencukupi bagi menampung keperluan masa kini.

**JAWAPAN :**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat empat (4) buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) yang sedang beroperasi di seluruh Negeri Sabah, iaitu di Kota Kinabalu, Papar, Sandakan dan Tawau. Bilangan kapasiti maksimum keempat-empat PTS ini adalah seramai 6,200 orang.

Sehingga 20 Mei 2015, bilangan tahanan semasa di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di seluruh negeri Sabah berjumlah kira-kira 7,336 orang. Bilangan tahanan di PTS sering melebihi kapasiti berikutan penambahan kekerapan operasi membanteras PATI yang giat dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah, ESSCOM, dan Jabatan Imigresen Malaysia Sabah. Operasi dilaksanakan dengan kerap sebagai langkah menangani kebanjiran PATI di Sabah yang telah lama berlarutan.

Sebagai usaha mengatasi masalah kesesakan di PTS, beberapa langkah telah diusahakan termasuk bekerjasama dengan Kedutaan Indonesia dan Filipina bagi mempercepatkan pengeluaran *Travel Documents* (TD) yang diperlukan untuk mengusir PATI ke negara asal masing-masing. Selain daripada itu, permohonan untuk pembinaan PTS baharu di Lahad Datu dan pembinaan semula PTS Tawau telah dikemukakan bagi menambah kapasiti keupayaan tampungan PATI yang ditahan di Sabah.

Sekian. Terima kasih.